

Pas tidak gentar Hamim

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

KOTA BAHARU, Selasa — Pas Kelantan tidak gentar dengan strategi parti Hizbulmuslimin (Hamim) pimpinan Datuk Haji Asri Muda, untuk menubuhkan banyak kawasan dan cawangan di negeri ini sebagai tapak perjuangannya.

Setiausaha Penerangan Perhubungan Pas Kelantan, Encik Bunyamin Yaakob berkata, Pas Kelantan dan pucuk pimpinannya telah 'masak' dengan strategi Datuk Asri dan dapat menyelam "apa yang tersirat dalam lubuk hatinya."

"Kalaulah Datuk Asri seorang pakar mengatur strategi, tentu dia tidak kalah dalam beberapa pilihanraya."

Perletakan jawatannya sebagai yang Dipertua Agung Pas dulu pun, kata Encik Bunyamin, ialah satu kesilapan besar dalam strategi politiknya.

Menurut beliau, bekas pemimpin Pas itu mengharapkan para perwakilan muktamar agung Pas akan memujuk dan meminta beliau menarik balik perletakan jawatan itu tetapi keadaan sebaliknya.

Encik Bunyamin diminta mengulas kenyataan Datuk Asri beberapa hari lalu yang menyebut bahawa Hamim telah menyusun strategi bagi menubuhkan beberapa bahagian dan cawangan parti itu, terutama di Kelantan.

Encik Bunyamin, yang juga Exco Pemuda Pas negeri berkata, sudah sampai masanya bagi Ahli-Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Hamim yang menang atas tiket Pas melepaskan jawatan, "jika mereka mempunyai maruah."

"Dulu mereka berkata mereka tidak dapat berbuat demikian kerana pendaftaran Hamim belum diluluskan. Kini setelah pendaftaran Hamim diluluskan, mereka sepatutnya berbuat demikian," ujar beliau.

Tegasnya, langkah itu perlu untuk mengukur sejauh manakah pengaruh politik antara Pas dan Hamim di Kelantan.

Kata Encik Bunyamin: "Mereka adalah antah dalam beras; terkeluarnya antah-antah dari Pas, senang bagi kita mentadbir dan menyusun perjuangan parti," ujarnya.

Mengenal penyertaan Hamim dalam Barisan Nasional, Encik Bunyamin menarik perhatian tokoh-tokoh Hamim, khususnya Datuk Asri sendiri terhadap kenyataan bekas Presiden Pas itu sewaktu Pas keluar dari BN dahulu.

Menurut beliau, Datuk Asri pernah menyebut bahawa sebagai orang Islam, dia tidak akan digigit oleh ular dua kali dalam satu lubang.